

Kepimpinan ASEAN kunci kejayaan perjanjian plastik global untuk menamatkan pencemaran plastik

Organisasi masyarakat sivil menyeru pemimpin ASEAN untuk mengambil pendirian yang kukuh dalam rundingan yang sedang berlangsung bagi merangka instrumen antarabangsa yang mengikat secara sah untuk menangani pencemaran plastik, termasuk dalam persekitaran marin.

Antara 23-29 April 2024, ahli-ahli Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) akan bertemu dengan negara-negara lain di Ottawa, Kanada, untuk sesi ke-empat mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Antara Kerajaan (Intergovernmental Negotiating Committee iaitu INC-4) untuk mengemukakan teks bagi instrumen antarabangsa yang dikenali sebagai Perjanjian Plastik Global untuk menangani pencemaran plastik, termasuk dalam persekitaran marin, melalui pendekatan komprehensif yang menangani kitaran hayat penuh plastik. Instrumen ini adalah peluang sekali dalam seumur hidup untuk menyelesaikan krisis plastik.

Pencemaran plastik telah meningkat seiring dengan pertumbuhan pengeluaran plastik, dengan plastik sekali pakai menyumbang sehingga 50% daripada jumlah pengeluaran. Walaupun kadar kitar semula dijangka meningkat daripada 9% pada 2019 kepada 17% menjelang 2060, 70% sisa plastik - yang dijangka meningkat tiga kali ganda pada masa itu - masih akan dibakar atau dibuang di tapak pelupusan sampah. Industri plastik juga merupakan sumber gas rumah hijau perindustrian yang paling pesat berkembang di dunia, dengan kitaran hayat plastik dijangka menyumbang sehingga 19% daripada pelepasan gas rumah hijau global menjelang 2040. Model ekonomi linear semasa yakni ekstraksi-pembuatan-pembuangan dan pengeluaran plastik tidak terkawal tidak serasi untuk suhu kekal di bawah ambang 1.5 darjah Celsius serta dalam sempadan planet yang selamat dan adil.

Sebagai sebuah rantau, Asia Tenggara terjejas teruk oleh pencemaran yang disebabkan oleh semua peringkat dalam kitaran hayat plastik. Beberapa laporan dan kajian telah menunjukkan bagaimana industri petrokimia, pembuatan plastik, penggunaan plastik, kitar semula plastik, pembakaran dan pelupusan, merupakan sumber bahaya kepada alam sekitar dan kesihatan manusia di Asia Tenggara. Pencemaran plastik berlaku dalam pelbagai bentuk daripada makroplastik di Sungai Mekong dan laut, kepada mikroplastik dan bahan tambahan atau pelepasan tidak disengajakan daripada pengurusan sisa plastik

dan kitar semula contohnya bahan pencemar organik tegar (Persistent Organic Pollutants - POPs). Tapak pelupusan sisa yang tidak sanitari, dan tapak pelupusan haram dengan sisa elektronik berbahaya membawa impak kepada orang ramai di Malaysia. Alat menangkap ikan yang diperbuat daripada plastik yang dibuang atau hilang menjejaskan ekosistem marin di Cambodia, Myanmar dan Vietnam. Kedua-dua mikroplastik dan POPs telah ditemui dalam badan manusia di Indonesia dan Thailand. Semua ini menimbulkan ancaman yang nyata dan serius kepada kesihatan awam di rantau kita.

Asia Tenggara turut terjejas oleh sisa plastik yang diimport dari rantau lain, dengan negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, China dan Eropah termasuk dalam kalangan pengeksport utama. Sisa plastik yang dieksport oleh negara maju bukan sahaja dihantar sebagai sisa plastik, tetapi juga dicampur dalam sisa kertas sebagai sisa plastik fleksibel yang tidak boleh dikitar semula, pembungkusan makanan ringan serta cawan dan botol plastik kotor, atau beg plastik berbilang lapisan, malah lampin kotor. "Bendasing" ini - yang mengandungi sejumlah besar plastik - dalam sisa kertas yang dihantar dari Eropah boleh membentuk sehingga 10% daripada jumlah keseluruhan. Sebilangan besar sisa plastik juga pernah diisytiharkan sebagai import sisa kertas, seperti yang berlaku dalam eksport haram 130 tan sisa perbandaran yang diisytiharkan secara palsu sebagai kertas dari Australia ke Thailand pada 2022. Terdapat juga trend dalam mengeksport sisa plastik sebagai bahan bakar atau "Refuse Derived Fuel" (RDF) dari negara maju, yang menjejaskan usaha negara-negara di Asia Tenggara untuk menentang penjajahan sisa. Pengesanan perdagangan sisa plastik dalam pelbagai bentuk adalah sangat sukar, terutamanya di sepanjang sempadan yang poros di rantau ini, seperti antara Myanmar dan Thailand.

Adalah penting bagi para pemimpin Asia Tenggara mencabar naratif palsu yang menyalahkan rantau kita sebagai menyumbang kepada pencemaran plastik lautan sambil mengabaikan kesan eksport sisa plastik mereka kepada kita, dan hakikat bahawa pencemar plastik terbesar ialah syarikat FMCG besar dari Global North. Rantau Asia Tenggara mempunyai sejarah kolektif dalam penggunaan bahan semula jadi, dan mampu menyediakan penyelesaian yang mesra alam sekitar, berfaedah dari segi ekonomi, dan diterajui rakyat dalam menangani krisis plastik. Ini termasuk penyelesaian sisa sifar yang sudah sedia ada di [Hoi An, Vietnam](#), perintis guna-semula di [Manila, Philippines](#), sistem guna-semula di [Jakarta, Indonesia](#), dan infrastruktur pengisian air di [Bangkok, Thailand](#) dengan sokongan Bangkok Metropolitan Authority. Selain daripada kerajaan tempatan, kerajaan negara-negara di rantau Asia Tenggara telah menunjukkan cita-cita untuk memimpin dalam melaksanakan dasar untuk membendung pencemaran plastik, dan secara individu telah membuat kenyataan yang kukuh dalam INC yang lalu. ASEAN juga telah menyuarakan cita-cita kolektifnya untuk memerangi pencemaran plastik sebagai sebuah rantau.

Jelas sekali, rantau kita mempunyai penyelesaian yang kukuh dan cita-cita yang kuat yang bukan sahaja dapat menyelesaikan krisis plastik di sini tetapi di tempat lain juga di dunia ini. Sudah tiba masanya untuk negara-negara ASEAN secara kolektif menyuarakan cita-cita kita di INC-4 untuk menamatkan pencemaran plastik. Rantau Afrika dan Negara-negara Membangun Pulau-pulau Kecil (Small Islands Developing States) telah pun berbuat demikian pada INC yang lalu dan memberi impak yang luar biasa.

Kami, organisasi masyarakat sivil yang bertandatangan di bawah, sedang berusaha untuk menamatkan pencemaran plastik di Asia Tenggara dan melampauinya, dan kami menyeru negara anggota ASEAN untuk bekerjasama dan merundingkan perjanjian plastik global yang memenuhi matlamat utama berikut:

1. Untuk menangani kitaran hayat penuh plastik, **mengutamakan pengurangan pengeluaran plastik**, bermula dengan plastik yang boleh dielakkan dan berbahaya berdasarkan pendekatan kriteria penggunaan yang penting.
2. Untuk menamatkan **pergerakan merentas sempadan sisa plastik** dan penjajahan sisa.
3. Untuk **menghapuskan toksin merentasi kitaran hayat plastik** mengikut kumpulan kimia (termasuk polimer), termasuk bahan tambahan (aditif) kimia, kedua-dua bahan tambahan secara sengaja dan tidak sengaja (intentionally and non-intentionally added substances - NIAS), dan mikroplastik.
4. Untuk **meningkatkan ketelusan, kebolehesanan, perlabelan dan pendedahan bahan kimia dalam plastik secara seragam** serta pelaporan pencemaran melalui **daftar pelepasan dan pemindahan bahan pencemar**.
5. Untuk **meningkatkan infrastruktur penggunaan semula** dan isi semula yang memenuhi kriteria reka bentuk minimum global termasuk piawaian bagi pembungkusan bebas toksik, mekanisme pengumpulan dan pengagihan semula yang selamat serta sasaran penggunaan semula.
6. Untuk **menolak teknologi yang tidak menangani punca pencemaran plastik**, dan sebaliknya memburukkan kesan terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar, termasuk kitar semula bahan kimia (chemical recycling), pembakaran (insinerasi), sisa-kepada-tenaga, RDF, dan teknologi seumpamanya.
7. Untuk **mengelakkan pengganti yang dikesali** seperti plastik berasaskan bio, terbiodegradasi dan boleh dikompos yang telah terbukti mengandungi bahan kimia toksik dan hanya mengalihkan perhatian daripada mengurangkan penghasilan plastik.

8. Untuk mempertanggungjawabkan pencemar dan pengeluar melalui piawaian global untuk **Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (Extended Producer Responsibility (EPR))** dan mekanisme untuk **Prinsip Pencemar Membayar (Polluter Pays Principle)**.
 9. Untuk mengutamakan **hak asasi manusia dan keadilan sosial** untuk semua orang yang terjejas oleh pencemaran plastik, termasuk pekerja merentasi kitaran hayat plastik, terutamanya pemungut sisa, orang asli & komuniti Global South, melalui **Peralihan Adil (Just Transition)**.
 10. Untuk **menguatkan penyelidikan dan pemantauan** kesan plastik terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar, dengan fokus ke arah **pembaikpulihan, pampasan dan remediasi**.
-